

05 NOV 1997

G15-Kaherah

SIDANG KEMUNCIAK KELAPAN G15 DIPERCEPAT AKIBAT ISU MATA WANG

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin G15 akan bermesyuarat lagi dalam masa enam bulan di Kaherah akibat isu urus niaga mata wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Sidang kemuncak kelapan itu akan berlangsung Mei tahun depan, kata Perdana Menteri pada persidangan berita di akhir sidang kemuncak ketujuh di sini.

Keputusan mempercepatkan sidang kemuncak kelapan itu, yang sepatutnya diadakan di Jamaica, dibuat pada sidang kemuncak di sini.

Dr Mahathir yang diapit oleh Presiden Hosni Mubarak dan Presiden Suharto di persidangan berita itu, berkata sidang kemuncak kali ini memutuskan agar pemimpin G15 bermesyuarat lebih kerap lagi daripada hanya sekali setahun disebabkan oleh "desakan perkara-perkara tertentu dan kecepatan perubahan dalam perdagangan dan hal-hal lain di dunia."

Dr Mahathir juga berkata pemimpin G15 juga membuat keputusan supaya Menteri Kewangan dan gabenor bank pusat bermesyuarat di sini pada 1 dan 2 Dis ini serentak dengan mesyuarat Menteri Kewangan dari Asia juga di sini.

"Sidang kemuncak G15 memutuskan bahawa Menteri Kewangan, gabenor bank pusat dan pihak berkuasa yang berkaitan perlu berbincang bagi mengkaji dan menetapkan peraturan yang akan dikemukakan kepada ketua-ketua kerajaan sebelum diserahkan kepada IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa).

Ketika ditanya sama ada cadangan mewujudkan syarat dan peraturan bagi urus niaga mata wang sesuatu yang realistik kerana negara-negara maju pasti akan menentang, Dr Mahathir berkata :

"Sudah tentu kami menjangkakan tentangan tetapi saya berpendapat bahawa peraturan lazimnya akan ada apabila manusia berinteraksi...kita tidak boleh berinteraksi tanpa sebarang peraturan."

Beliau berkata oleh sebab-sebab tertentu, negara-negara maju menentang apa juga peraturan berhubung dengan urus niaga mata wang tetapi pada masa yang sama, ia mahukan keterbukaan, ketelusan dan amalan undang-undang.

"Sebaliknya, amalan undang-undang disyaratkan kepada semua kerajaan dan individu. Tetapi, dalam urus niaga mata wang, amalan undang-undang tidak pula diperlukan.

"Ini kita tidak faham. Janganlah datang kepada kita dan memberitahu yang mereka mahu melihat amalan undang-undang di negara kita sedangkan mereka sendiri tidak mempunyai undang-undang," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata bahawa apa yang cuba dibangkitkan oleh negara membangun ialah jika negara maju benar-benar berpegang kepada soal moral, maka peraturan dan undang-undang perlu diwujudkan.

"Kita tidak mahu melihat orang begini bergerak secara bersembunyi dan melakukan pelbagai perkara bagi menimbulkan bermacam-macam masalah bukan sahaja kepada kita...seperti yang kita lihat, ia telah sampai sehingga ke New York," kata Dr Mahathir, merujuk kepada kejatuhan harga saham sedunia minggu lepas.

Beliau berkata cara pemimpin-pemimpin bertindak mengatasi masalah ekonomi negara masing-masing tidak banyak berbeza.

"Apa yang dicakapkan oleh orang di sini, perkara yang sama dicakap oleh orang di sana...jika asas kami baik, kenapa pula perkara ini harus berlaku.

"Oleh itu, ini adalah akibat daripada ketiadaan syarat dan peraturan serta undang-undang...tetapi jika mereka tidak mahukannya, jangan cuba mengajar kami...tutup saja mulut," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAM MAI

